


Headline	Tangkis virus kanser serviks		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	20 Jan 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,321
Page No	E27	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	552 cm ²
Journalist	Hidayatul Akmal Ahmad	AdValue	RM 20,387
Frequency	Daily	PR Value	RM 61,160



Tangkis virus kanser serviks

■ Wanita bertanggungjawab sebar mesej kesedaran dan pencegahan mengenainya

Oleh HIDAYATUL AKMAL AHMAD

hidayatulakmal@hmetro.com.my

Gaya hidup bebas yang mengamalkan kebanyakan remaja terutama perempuan, memungkinan mereka lebih terdedah kepada risiko mendapat barah pangkal rahim atau kanser serviks.

Di seluruh dunia, seorang wanita meninggal dunia akibat kanser serviks dalam setiap dua minit. Kanser ini disebabkan pelbagai faktor antaranya, jangkitan kuman papillomavirus (HPV) iaitu penyakit kelamin, kurang menjaga kebersihan alat sulit, mempunyai pasangan seks yang ramai, memulakan perhubungan seks pada usia muda, merokok dan beberapa sebab lain. Di Malaysia, kanser serviks adalah barah ketiga paling kerap berlaku kepada wanita.

Justeru, bagi menimbulkan kesedaran mengenai bahaya penyakit ini, Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM) bersama GlaxoSmithKline Pharmaceutical Sdn Bhd (GSK) dan jenama fesyen tempatan Kitschen menganjurkan kempen Pencegahan Kanser Serviks.

Ia lanjutan kempen Power Over Cervical Cancer (POCC) dilancarkan pada Julai 2009, dengan matlamat mewujudkan kesedaran berkekalan mengenai pangkal rahim dan pada masa sama menggalakkan wanita ber-

bincang dengan pakar kesihatan serta mendapatkan perlindungan.

Pegawai Perubatan Pusat Pengesanan Kanser Malaysia NCSM, Dr Dalilah Kamarudin berkata, kempen kesedaran dan pendidikan boleh melengkapkan orang ramai dengan maklumat dan pengetahuan mengenai kanser serviks.

“Memandangkan statistik ini sangat membimbangkan, wanita perlu ambil tahu kerana kanser serviks sebenarnya boleh dicegah.

“Sebagai penyokong terhadap diri sendiri, mereka perlu bertanggungjawab untuk kesihatan dan membuat keputusan untuk melindungi diri.

“Golongan wanita harus peka dengan keadaan diri mereka. Jika merasa sesuatu yang tidak kena, segera berjumpa doktor bagi mengelakkan perkara lebih buruk berlaku. Mereka yang berisiko antara usia 45 hingga 60 tahun.

“Selain itu, mereka yang gemar bertukar-tukar pasangan juga berisiko tinggi mendapat kanser ini, selain melakukan hubungan seks pada usia terlalu muda,” katanya pada majlis itu di ibu negara, baru-baru ini.

Dianggarkan 1,500 wanita negara ini disahkan menda-

pat kanser serviks setiap tahun. Kanser serviks menyumbang enam peratus daripada jumlah kematian akibat kanser di kalangan wanita.

Di kalangan golongan etnik, kaum India yang tertinggi mengalami kanser serviks pada kadar 10.3 bagi setiap 100,000 penduduk, diikuti Cina pada kadar 9.5 dan Melayu pada kadar 5.3.

Sementara itu, Pengarah Unit Bisnes, Vaksin, dan Urusan Kerajaan (GSK), Henri Ataki berkata, wanita sememangnya memainkan peranan sangat penting dalam kehidupan.

“Kita ada ibu, kakak, adik isteri, anak perempuan dan teman wanita, justeru kami rasa bertanggungjawab menyebarkan mesej ini kepada semua wanita,” katanya.

Enam selebriti yang juga duta POCC turut sama menjayakan majlis ini iaitu Pamela Chong, Vanessa Chong, Sarimah Ibrahim, Shelby Kho, Rina Omar dan Genevieve Sambhi.

● Sebab terjadi kanser serviks

Ia disebabkan virus HPA yang berjangkit melalui hubungan seks. Apabila wanita terdedah kepada HPV, sistem imun badan selalunya dapat menangkis serangan virus ini daripada menjangkiti wa-

nita tetapi bagi sebahagian kecil wanita, virus berpeluang hidup bertahun-tahun sehingga ia menukar sel pada permukaan serviks kepada sel kanser. Separuh daripada kanser ini terjadi pada mereka yang berusia di antara 35 hingga 55 tahun.

● Ujian pap smear

Doktor akan mengambil sedikit tisu pada permukaan serviks dan hantar ke makmal. Ujian ini akan mengesan sebarang keganjilan pada servik seperti sel pra barah.

Ujian ini digalakkan dilakukan setiap tahun bagi mengesan kanser peringkat awal yang mungkin boleh menyelamatkan nyawa.

● Ujian HPV

Ujian ini boleh mengesan kuman HPV yang spesifik terhadap kanser serviks seperti strain 16 dan 18, iaitu penyebab utama kanser pangkal rahim.

● Colposcopy

Doktor akan menggunakan mikroskop khas untuk memeriksa pangkal rahim. Jika ada, sedikit biopsi akan diambil dan dihantar ke makmal.

Kadangkala biopsi kon akan dibuat jika didapati sel barah merebak lebih jauh ke dalam.

Headline	Tangkis virus kanser serviks		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	20 Jan 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,321
Page No	E27	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	552 cm ²
Journalist	Hidayatul Akmal Ahmad	AdValue	RM 20,387
Frequency	Daily	PR Value	RM 61,160

Info
Tanda dan gejala


- Pendarahan ketika melakukan hubungan seks
- Pendarahan pada pertengahan bulan
- Pendarahan selepas menopause
- Keluar lendir berdarah yang busuk daripada faraj
- Sakit ketika melakukan hubungan seks

Info
Wanita yang berisiko

- Mempunyai lebih daripada seorang pasangan
- Mula aktif hubungan seks sebelum usia 18 tahun
- Mengalami jangkitan kuman seperti sifilis, gonorea, chlamydia atau HIV
- Kurang daya tahan imun
- Merokok



DR Dalilah Kamaruddin



ENAM selebriti menjayakan kempen POCC untuk kempen kanser serviks, baru-baru ini.